MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan terus terpelihara

Sektor kewangan yang berdaya tahan dan pasaran kewangan yang berfungsi dengan teratur terus menyokong aktiviti pengantaraan dalam ekonomi dalam negeri. Bagi memastikan sektor isi rumah terus kukuh dan sistem kewangan terus stabil, Bank memperkenalkan beberapa langkah dasar pada suku pertama. Langkah-langkah awalan ini termasuk menerbitkan Garis Panduan baharu bagi Kad Kredit, cadangan untuk menggalakkan amalan pinjaman yang bertanggungjawab oleh institusi kewangan bagi pembiayaan runcit dan meningkatkan caj modal bagi pinjaman perumahan yang mempunyai nisbah loan-to-value melebihi 90% dan bagi pembiayaan peribadi jangka panjang. Inisiatif ini juga dilengkapkan dengan program pendidikan kewangan khusus mengenai pengurusan kewangan yang diperkenalkan untuk peminjam daripada golongan muda dan mereka yang pertama kali membuat pinjaman.

Risiko terhadap kestabilan kewangan terus rendah. Dedahan risiko kredit keseluruhan bagi sektor kewangan kekal terurus. Kedua-dua pinjaman terjejas dan tertunggak kekal stabil masing-masing pada 2.2% daripada pinjaman bersih (S4 10: 2.3%) dan 3.2% daripada pinjaman kasar (S4 10: 3.4%). Keupayaan khidmat bayar balik hutang isi rumah terus tidak berubah dengan nisbah hutang isi rumah kepada KDNK pada 76.4%. Paras jejas nilai bertambah baik sedikit kepada 2.2% daripada pinjaman isi rumah (S4 10: 2.3%). Paras bayaran balik hutang isi rumah ialah 53% (S4 10: 47.8%) daripada pendapatan.

Keadaan perniagaan yang bertambah baik pada suku pertama terus mendorong peningkatan kredit apabila sektor perniagaan beransur-ansur menambah perbelanjaan modal untuk meningkatkan kapasiti produktif mereka. Meskipun median Kebarangkalian Jangkaan Mungkir meningkat sedikit daripada 0.61% kepada 0.64% pada suku pertama disebabkan terutamanya oleh kos pengeluaran yang lebih tinggi, keupayaan khidmat bayar balik hutang oleh sektor perniagaan kekal kukuh kerana disokong oleh pertumbuhan yang stabil dalam pendapatan perniagaan. Nisbah pembayaran kepada pengeluaran kekal stabil pada 90%, manakala nisbah pinjaman jejas nilai kasar bertambah baik kepada 4.9% (S4 10: 5.2%). Prospek risiko kredit bagi sektor perniagaan dijangka positif kerana disokong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang terus menggalakkan.

Turun naik yang lebih ketara dalam pasaran ekuiti ekoran perkembangan luaran dan peningkatan dalam hasil MGS disebabkan oleh kebimbangan inflasi hanya memberikan kesan yang sangat kecil kepada sektor kewangan. Walaupun dalam keadaan ketidakpastian ini, pasaran kewangan domestik kekal teratur dengan keupayaan yang berterusan untuk melaksanakan fungsi pengantaraan bagi jumlah dan turun naik aliran kewangan yang meningkat.

Meskipun sistem kewangan terus menjadi penerima aliran masuk bersih pelaburan portfolio, yang meningkatkan lagi keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi, namun belum ada tanda-tanda perubahan yang nyata dalam amalan pengambilan risiko oleh institusi kewangan. Dedahan sistem perbankan terhadap risiko ekuiti terus kecil sebanyak 1.3% daripada modal asas pada akhir bulan Mac (S4 10: 1.2%), manakala dedahan sektor insurans dan takaful terhadap risiko ekuiti kekal pada 7.3% daripada modal asas. Sementara itu, risiko kadar faedah kekal kecil pada 4.3% daripada modal asas (S4 10: 4.9%) bagi bank dan 3.3% (S4 10: 3.3%) bagi sektor insurans dan takaful. Dengan jangkaan aliran masuk dana portfolio yang berterusan ke dalam negara, kesan daripada penambahan mudah tunai dalam sistem kewangan domestik, jika tidak diuruskan dengan baik, akan mewujudkan risiko terhadap kestabilan makroekonomi dan kewangan. Sebagai langkah awalan, Bank Negara Malaysia telah menaikkan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) sebanyak 100 mata asas pada bulan Mac dan menaikkan 100 mata asas sekali lagi kepada 3 peratus pada bulan Mei 2011 bagi menguruskan risiko penambahan mudah tunai ini, yang mungkin menyebabkan ketidakseimbangan kewangan dan mewujudkan risiko terhadap kestabilan kewangan.

Sektor kewangan kekal berdaya tahan, memberikan sokongan padu bagi pengantaraan kewangan aktiviti ekonomi dalam negeri

Permodalan sektor perbankan kekal pada tahap yang sangat memuaskan. Ekuiti dan rizab biasa terus mencakupi sebahagian besar dana modal sektor perbankan. Nisbah modal teras dan nisbah modal wajaran risiko kekal kukuh masing-masing pada 12.7% dan 14.3%. Penampan modal kekal melebihi RM60 bilion. Sektor insurans dan takaful menunjukkan daya tahan yang sama. Permodalan yang kukuh dicerminkan oleh nisbah kecukupan modal pada 225.7% dan lebihan modal sebanyak RM19.1 bilion. 91% daripada modal terdiri daripada modal Kumpulan-1 yang berkualiti tinggi.

Keuntungan sebelum cukai bank bagi suku pertama berjumlah RM6.9 bilion (S4 10: RM5.7 bilion) disebabkan oleh peruntukan kerugian pinjaman yang lebih rendah dan keuntungan yang ketara lebih tinggi daripada portfolio urus niaga dan pelaburan. Hasilnya, pulangan atas aset dan ekuiti purata meningkat masing-masing kepada 1.8% (S4 10: 1.5%) dan 18.9% (S4 10: 16.6%). Keuntungan pengunderaitan bagi penanggung insurans menurun sebanyak 6.3% kepada RM280.9 juta, disebabkan oleh pendapatan pelaburan yang lebih rendah dan tuntutan keseluruhan yang ditanggung menjadi makin sederhana. Walau bagaimanapun, tuntutan untuk segmen motor kekal tinggi pada 73% pada suku pertama. Keuntungan kendalian bagi insurans am dan takaful am menjadi sederhana disebabkan oleh tuntutan motor yang lebih tinggi. Prestasi pasaran

Sistem Perbankan: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Kualiti Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Keuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Nisbah Kecukupan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

ekuiti yang terus kukuh sejak dari tahun 2010 mendorong pertumbuhan yang berterusan dalam produk berkaitan pelaburan bagi kedua-dua perniagaan hayat dan takaful keluarga. Bersama-sama dengan pendapatan pelaburan dan keuntungan pelaburan yang menjadi lebih sederhana, lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan bagi insurans hayat dan takaful keluarga meningkat kepada RM3.2 bilion (S1 10: RM2.9 bilion).

Mudah tunai kekal lebih daripada mencukupi untuk memenuhi keperluan pengeluaran deposit dan kewajipan mudah tunai yang lain.

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2010			2011
	S1	S4	Tahun	S1
	RM juta			
Insurans hayat & takaful keluarga				
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	2,903.5	3,155.3	14,099.5	3,140.8
Insurans am & takaful am				
Keuntungan kendalian	524.9	559.9	2,167.9	516.6
Nisbah tuntutan (%)	62.8	62.2	62.2	61.4

Sumber: Bank Negara Malaysia